



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

TARBIATUNA



JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA

Bil Keluaran : 08

Siri : 1437H/01 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan: Muharram - Safar 1437H

Taujihat



Ustaz Dr Mohd Parid
Sheikh Ahmad
Presiden IKRAM

TARBIAH SIASAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف المرسلين ، محمد بن عبد الله ، سيد الداعين إلى الله على بصيرة ، والمجاهدين فيه بإحسان ، وعلى آله وأصحابه ومن والاه .. وبعد

Sesungguhnya Imam Banna ada mengatakan “ Dakwah ini hanya boleh ditegakkan oleh orang yang memahami di segenap sudutnya “.

Imam Banna telah menjelaskan bahawa dakwah dan tarbiah kita mesti melalui tiga fasa utama iaitu fasa taarif, takwin dan tanfiz. Kitaran ini mestilah terus berjalan dan berputar walau di mana maratib amal dakwah kita berada. Imam Banna memberikan penjelasan bahawa perubahan yang ingin kita lakukan mestilah dimulai dengan membangun generasi baru muslim dengan nilai-nilai ajaran Islam yang benar di seluruh sisinya, membangun keluarga muslim , mentarbiah masyarakat sehingga mereka benar-benar memahami Islam serta memahami hak-hak mereka, memperbaiki sistem kenegaraan , membangun daulah , khilafah dan seterusnya membangun tamadun. Setiap maratib amal perubahan tersebut memerlukan individu yang mempunyai daya saing yang berbeza, perancangan yang berbeza dan kekuatan yang berbeza. Walaupun begitu apabila kita bergerak ke maratib amal seterusnya tidaklah bermakna kita meninggalkan kerja-kerja di maratib sebelumnya malah ia akan terus berlanjutan sehinggalah dunia ini menjadi milik umat Islam.

Alhamdulillah dengan kepesatan perubahan dalam isu semasa yang berlaku dalam negara , Tarbiatuna pada keluaran ini tampil untuk membincangkan secara mendalam berkaitan pandangan siasi oleh beberapa orang tokoh seperti Imam Hassan Al Banna, syeikh Qardhawi, Syeikh Muhammad Al Khatib dan beberapa tokoh Ikhwan yang lain. Penekanan juga diberikan terhadap keperluan disiplin tarbawi dalam amal siasi. Sesungguhnya ikhwah yang diberikan amanah ini hendaklah benar-benar disediakan fikrahnya, imannya dan kefahaman yang mendalam terhadap agamanya .Di atas bahu merekalah nanti akan tertegaknya amanah negara yang besar.

Dari Meja Editor

Mutiara Al-Quran



وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَى هَؤُلَاءِ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ

Dan (ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri dan Kami datangkanmu (wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu) dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayat petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam. (Al-Nahl : 89)

Mutiara Hadith

Seorang pemimpin yang memerintah rakyat dari kaum Muslimin, apabila dia meninggal dunia, sedang dia tidak jujur terhadap rakyatnya, nescaya dia diharamkan oleh Allah untuk memasuki syurga.”

(Diriwayatkan oleh Bukhari)



Mutiara Hikmah

Jauhilah daripada mengumpat-umpat peribadi orang, mengecam pertubuhan-pertubuhan, dan janganlah bercakap melainkan apa-apa yang memberi kebajikan.

~Imam Hasan Al-Banna~

Bingkisan Tarbawi



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
Pengerusi JK Tarbiah Pusat

Maktabah Tarbiah



Ustaz Abd Muhaimin
Muhammad Shahr
Timb. Pengerusi
JK Tarbiah Pusat

Diterbitkan oleh : Jawatankuasa Tarbiah Pusat, Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM),

No. 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan MALAYSIA

Tel: +603-8945 6999, +603-8945 3666 Fax: +603-8945 1772 Emel: info@ikram.my



PENGISLAHAN POLITIK DAN EKONOMI DALAM PEMIKIRAN IMAM AL-BANNA



Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad,
Presiden IKRAM



Pendahuluan

Maksud pengislahan

Pembaikan yang bertitik tolak daripada perkara-perkara berikut:

1. Kesedaran jiwa dan kembali kepada agama
2. Pengislahan manusia, pengamanan kehidupannya dan pembebasan keupayaan-keupayaannya



Tanpa perhatian terhadap dua perkara di atas kesan positif yang di dambakan daripada usaha-usaha pengislahan yang dilakukan tidak akan dapat dihasilkan

Ia merupakan kunci kepada semua usaha-usaha pembaikan, kesedaran jiwa yang membulat dalam hati dan perasaan, yang mempertautkan mereka dengan Allah s.w.t, pencipta alam semesta, sentiasa mengingatinya

Ruang lingkup pengislahan

Seruan Imam Hasan al-Banna ke arah pengislahan melingkupi pengislahan semua bidang kehidupan. Bidang politik dan ekonomi sebahagian daripadanya

Pengislahan yang menyeluruh merupakan keperluan dan tuntutan Islam, negara dan masyarakat. Pengislahan bidang

politik adalah titik permulaan kepada pengislahan bidang-bidang kehidupan yang lain

Usaha-usaha pembaikan semua bidang-bidang kehidupan, memerlukan penglibatan dan kerjasama semua pihak, kerajaan dan rakyat, semuanya perlu bersatu dan bekerjasama untuk menjayakannya

Semua pihak perlu dilibatkan dalam usaha-usaha pengislahan, sama-sama memikul tanggungjawab memperbaiki keadaan yang kusut dalam negara, menyelesaikan seluruh masalah yang dihadapi secara berperingkat-peringkat dengan memanfaatkan semua keupayaan dan kepakaran yang dimiliki, semua sumber yang boleh digerakkan bagi memperbaiki keadaan sebelum meluncur ke arah kemajuan yang lebih besar lagi

Pengislahan sebenar secara bersungguh-sungguh hanya akan berlaku sewaktu ia dilaksanakan berasaskan perkara-perkara berikut:

1. Visi dan matlamat pengislahan yang jelas dan disepakati
2. Kesungguhan dan semangat pengendali usaha-usaha pengislahan yang tinggi
3. Kewujudan suasana persekitaran usaha-usaha pengislahan yang sesuai
4. Penggabungan seluruh keupayaan-keupayaan dan usaha-usaha tanpa monopoli pihak tertentu terhadapnya
5. Kewujudan langkah-langkah praktis yang diperlukan projek pengislahan
6. Usaha-usaha ke arah menghapuskan rintangan-rintangan yang menghalangi kegiatan-kegiatan pengislahan atau yang meninggalkan kesan negatif kepada cuaca persekitaran
7. Dimensi keterlibatan akar umbi/masyarakat bawahan dan kepercayaan / keyakinan mereka kepada golongan yang mengajak kepada pengislahan atau petugas-petugas yang melaksanakan pengislahan

Usaha-usaha pengislahan berbagai-bagai bidang kehidupan masyarakat di atas mestilah didahului dengan usaha-usaha pembangunan ummah dan kepimpinannya terlebih dahulu berasaskan satu manhaj taghyir al-nabawi/ manhaj tarbiah yang lestari



Pengislahan Politik

Imam al-Banna pernah berucap: “ Sesungguhnya seseorang muslim itu tidak akan sempurna Islamnya melainkan tatkala dia telah menjadi seorang ahli politik, memiliki pandangan yang jauh tentang urusan-urusan umatnya, prihatin terhadapnya. Seseorang muslim dituntut berdasarkan Islamnya mengambil berat terhadap seluruh urusan-urusan umatnya. Sesungguhnya kita ini adalah ahli-ahli politik dengan pengertian kita mengambil berat tentang urusan-urusan umat kita, kita berusaha untuk kemerdekaannya dan menyempurnakan kebebasannya “

Dia melihat politik dari dua sudut:

Dari sudut dalaman, ia meliputi penyusunan urusan pemerintahan, penerangan tentang tugas-tugasannya, pencerahan tentang kewajipan-kewajipan dan hak-haknya, pemantauan para pemerintah dan pengawasan terhadap mereka untuk ditaati sewaktu memerintah dengan baik, atau untuk dikritik/diperbetulkan sewaktu tidak memerintah dengan baik

Dari sudut luarannya ia merangkumi pemeliharaan kemerdekaan (negara) ummah dan kebebasannya, mengerakkan ummah maju ke arah matlamat-matlamat yang akan mengangkat kedudukannya di kalangan bangsa-bangsa, membebaskannya daripada cengkaman bangsa-bangsa lain terhadapnya, campur tangan mereka dalam urusan-urusannya

Usaha-usaha IM dalam bidang pengislahan politik sejajar dengan pemikiran Imam al-Banna bertujuan untuk:

“ Menegakkan sistem politik yang menjamin penegakan prinsip penghormatan Ilahi/tuhan terhadap manusia, yang akan memelihara hak-hak dan kebebasan-kebebasannya, yang akan mengerakkan seluruh usaha untuk membina institusi-institusi pemerintahan dalam bentuk yang akan mencerna keutuhan dan keberkesanan, sebagaimana ia dapat menjamin kebersihan dan kebebasan operasi-operasi pemilihan pemerintah-pemerintah dan pengawasan yang baik terhadap mereka sepanjang tempoh pemerintahan mereka bersandarkan kepada asas-asas perlembagaan yang mengawal perjalanan pemerintahan, yang menjamin kesejahteraan dan kecekapan pengurusannya, pergiliran kekuasaan dan pemindahannya secara aman “

Ia satu sistem politik yang mencakupi perkara-perkara berikut:

a) Tiang-tiang sendi sistem politik

1. Pelaksanaan prinsip pemisahan antara kuasa-kuasa dalam negara

Pengumpulan kuasa-kuasa dalam tangan pemerintah akan membawa kepada kelahiran pemerintahan kuku besi, diktator. Urus tadbir yang baik menghendaki pemisahan antara kuasa-kuasa tersebut dalam perjalanan dan pengurusan sesebuah negara madani

2. Pengawasan yang setara antara kuasa-kuasa dalam negara

Pelaksanaan prinsip semak imbang yang saksama antara semua pihak yang berkuasa akan dapat menjamin keseimbangan perjalanan negara dan urus tadbirnya yang baik

b) Kuasa-kuasa /autoriti-autoriti utama dalam negara

3. Kuasa perundangan
4. Kuasa pelaksanaan
5. Kuasa kehakiman

c) Pengendalian institusi-institusi negara

Pengurusan institusi-institusi negara akan dapat berjalan dengan baik sewaktu ia mengamalkan prinsip-prinsip berikut:

6. Penyebaran ruh Islam dalam jabatan-jabatan kerajaan sehingga seluruh pegawai merasakan mereka dituntut menghayatinya
7. Menyegerakan masa-masa bekerja di jabatan-jabatan (kerajaan) bagi musim panas dan sejuk supaya ia dapat membantu mereka menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab serta menghapuskan kebiasaan berjaga malam yang keterlaluan
8. Penghapusan rasuah, mendahulukan keluarga atau kawan. Pergantungan hanya kepada kelayakan-kelayakan dan kewajaran-kewajaran undang-undang sahaja (yang dibenarkan undang-undang sahaja)

Seluruh aktiviti-aktiviti kerajaan dinilai berdasarkan neraca hukum-hukum dan ajaran-ajaran Islam. Semua susunan-susunan perayaan-perayaan, jemputan-jemputan, perhimpunan-perhimpunan resmi, susunan-susunan penjara-penjara dan hospital-hospital hendaklah tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam dan pembahagian kitaran/shift waktu kerja dan tugas hendaklah tidak bertentangan dengan waktu solat.

d) Pertahanan dan keselamatan

“ Kestabilan situasi dalam negara, penyediaan ketenangan kepada peribadi-peribadi dan orang ramai, pemeliharaan institusi-institusi yang akan mempertahankan perlembagaan negara, pengukuhan amalan syura dan demokrasi, menjamin prinsip peralihan kuasa secara aman, pemeliharaan kedaulatan nasional, pemeliharaan identiti masyarakat yang bertamadun

kesemuanya merupakan pengantar-pengantar yang perlu bagi melaksanakan tugas-tugas pembinaan dan pembangunan yang menyeluruh, menjayakan projek tamadun Islam. Suatu hal yang tidak boleh dibayangkan kemungkinan mencapai semua perkara-perkara (yang disebut-sebut) terdahulu, menjayakannya sebagai satu realiti yang dapat dilihat selagi institusi ketenteraan dan keselamatan tidak dibina di atas asas-asas keimanan, kasihkan tanah air yang akan menjauhkannya daripada dorongan-hawa nafsu dan semangat perkauman yang sempit “

e) Siasah luar negara

Pengislahan siasah luar negara di sisi Imam Hasan al-Banna pada zaman beliau mengambil bentuk usaha-usaha membebaskan umat dan negara-negara Islam dari belenggu penjajahan barat, penguasaan umat terhadap politik, ekonomi dan sosial negara, memperteguh ikatan persaudaraan dan solidariti sesama umat, membangun kerjasama dan akhirnya kesatuan sesama mereka

Secara umum pengislahan politik dalam pemikiran Imam al-Banna bermula dengan pengislahan politik di bumi Mesir terlebih dahulu, kemudian dunia Arab dan Alam Islam

Usaha-usaha beliau semasa hidupnya di Mesir berhadapan dengan laluan yang getir dan sukar, pemerintahan raja Faruk yang korup, kabinet dan jemaah menteri yang lemah, tunduk kepada tekanan penjajah Inggeris dan kuasa-kuasa dunia seperti Amerika dan Perancis pada waktu itu

Beliau sempat melihat tragedi Palestin, usaha-usaha gigih beliau di halangi, IM diharamkan dan akhirnya beliau sendiri ditembak mati menerusi satu komplot jahat dan gugur sebagai seorang syahid

Pengislahan Ekonomi

Imam al-Banna telah menerangkan keadaan sukar ekonomi Mesir pada zaman beliau secara menyeluruh menerusi pernyataan yang ringkas tetapi jelas:

1. Mesir adalah sebuah negara yang bukan miskin bahkan antara negara yang kaya dengan sumber-sumber tabi`nya, berbagai-bagai jenis kekayaan, tanah pertanian, ternakan, sumber air dan galian, sungai Nil yang melimpah ruah, lembahnya yang subur, rakyatnya yang rajin
2. Ekonominya dikuasai penjajah British, masyarakat asing dalam bentuk penguasaan pemodal-pemodal dan syarikat-syarikat mereka. Mereka menguasai bidang-bidang perusahaan dan perdagangan, kemudahan-kemudahan awam dan infrastruktur-infrastruktur penting. Sebahagian daripada mereka sudah memiliki kewarganegaraan Mesir tetapi kesetiannya masih lagi kepada negara asal, menghantar keuntungan yang mereka perolehi di Mesir ke negara asal mereka, masih memandang rakyat Mesir samada golongan pekerja atau pemerintah sebagai manusia kelas bawahan

3. Perbezaan yang amat ketara antara gulungan kaya dan miskin, pengagihan kekayaan yang tidak adil dan saksama, ketiadaan gulungan atau kelas menengah, kebanyakan penduduk terdiri daripada kalangan rakyat yang amat miskin
4. Kecelaruhan ekonomi, ketiadaan susuk ekonomi yang jelas, aliran ekonomi yang dianuti dan diguna pakai kabur yang akhirnya menyebabkan penghayatan ekonomi negara dan masyarakat turut tidak menentu

Ia menggambarkan situasi ekonomi negara yang bermasalah, berada di dalam krisis, perlu kepada pengislahan yang mendasar serta menyeluruh yang kepada beliau hanya dapat dijayakan menerusi penegakan sistem ekonomi Islam yang berdiri di atas beberapa asas-asas penting di antaranya:

1. Menganggap harta yang soleh/baik sebagai penagak kehidupan. Ia semestinya dipelihara, diuruskan dan dilaburkan dengan sebaik-baiknya



2. Kemestian bekerja dan berusaha mencari rezeki ke atas setiap insan yang mampu
3. Meneroka sumber-sumber kekayaan tabii, kewajipan mengambil manfaat daripada setiap sumber-sumber dan kekuatan-kekuatan yang ada dalam alam semesta
4. Pengharaman sumber-sumber pendapatan yang keji/haram
5. Merapatkan jurang antara berbagai-bagai lapisan masyarakat, menghapuskan kekayaan melampau dan kemiskinan tegar
6. Jaminan sosial bagi setiap rakyat, mengamankan kehidupannya, berusaha untuk kerehatan dan kebahagiaannya
7. Menggalakkan sumbangan ke arah kegiatan-kegiatan kebajikan, memperteguh takaful sesama warga dan mewajibkan tolong menolong di atas kebaikan dan takwa
8. Memperakui kesucian harta awam, penjagaan pemilikan persendirian selama masa ia tidak bertentangan dengan

masalah umum

9. Penyusunan urus niaga kewangan menerusi peraturan undang-undang yang adil serta bijaksana, ketelitian urusan kewangan
10. Perakuan tanggungjawab negara dalam memelihara sistem ekonomi ini

Justeru beliau mengunjurkan pengislahan ekonomi secara makro dan mikro untuk negara Mesir pada waktu itu menerusi langkah-langkah berikut:

1. Kemerdekaan Mata wang Mesir, ia berdiri sendiri, berdasarkan aset emas dan aset tetap daripada pendapatan negara Mesir, tidak lagi bersandar kepada bil-bil Perbendaharaan British, Rumah Cetak Wang British dan Bank Nasional British
2. Berusaha menguasai syarikat-syarikat yang bergerak dalam negara Mesir, dikuasai pemerintah atau rakyat Mesir. Modal-modal dari dalam negara mengambil tempat modal-modal asing
3. Memanfaatkan sumber-sumber kekayaan tabii dengan cara yang proaktif dan cepat
4. Beralih kepada (usaha-usaha dan bidang-bidang) perindustrian
5. Penilaian semula sistem pemilikan, pembatasan pemilikan-pemilikan yang besar menerusi pemberian pampasan yang setimpal. Satu langkah yang akan memberi kebaikan yang lebih besar kepada mereka dan masyarakat serta menggalakkan pemilikan-pemilikan yang kecil
6. Pengharaman dan pembasmian riba dalam semua versi dan bentuknya
7. Penyusunan cukai dan zakat, pengutipan dan pengagihannya

8. Galakan terhadap perusahaan kecil-kecilan di rumah-rumah kediaman
9. Berjimat dalam berbelanja, mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan yang mewah, memadai dengan keperluan-keperluan asas sahaja



Imam al-Banna telah menggerakkan usaha-usaha pengislahan ekonomi ini secara praktikal menerusi pembangunan berbagai-bagai syarikat perniagaan, perusahaan dan perdagangan oleh Jamaah Ikhwan Muslimin yang dipimpinnya dalam negara Mesir, juga menerusi pembangunan budaya berjimat, membangun simpanan kewangan ahli di samping menunaikan zakat, berderma bagi tujuan menolong golongan-golongan yang memerlukan

Inisiatif-inisiatif pengislahan ekonomi yang lain menerusi seruannya kepada pihak pemerintah dan swasta agar sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam pengislahan ekonomi negara, mengangkat tahap kehidupan rakyat dan memajukan negara dengan sebaik-baiknya

Itulah sebahagian dari inisiatif yang pernah beliau lakukan sepanjang perjuangannya bagi memperbaiki situasi ekonomi negara Mesir, gagasan-gagasan pemikiran yang pernah beliau jelaskan dalam ucapan-ucapan dan penulisan-penulisan yang ditinggalkannya

sumber rujukan :

1. ص 369, منهج الإصلاح والتغيير عند جماعة الإخوان المسلمين, د. محمد عبد الرحمن, دار التوزيع والنشر الإسلامية 2006 م, ميدان سيدة زينب, القاهرة
2. ص 363-362, 367, 368, 369
3. ص 370
4. ص 371, 372
5. مجموعة الرسائل ص 159, 247, دار التوزيع والنشر الإسلامية 2006 م, ميدان سيدة زينب, القاهرة
6. صحافة الإخوان المسلمين, د. شعيب الغباشي, قسم الإعلام جامعة الأزهر
7. مجموعة الرسائل ص 165
8. ص 413, الإمام حسن البنا مجدد القرن, د. توفيق الواعي, مكتبة المنار الإسلامي, كويت 2008
9. ص 413
10. صحافة الإخوان المسلمين, ص 331-247
11. مجموعة الرسائل, 339-338
12. مجموعة الرسائل, 344-340, 352
13. صحافة الإخوان المسلمين, ص 352-349
1. مجموعة الرسائل للإمام البنا, 1992, دار التوزيع والنشر الإسلامية, ميدان سيدة زينب, القاهرة
2. منهج الإصلاح والتغيير عند جماعة الإخوان المسلمين, د. محمد عبد الرحمن, دار التوزيع والنشر الإسلامية ميدان سيدة زينب, القاهرة, مصر, 2006 م
3. صحافة الإخوان المسلمين, د. شعيب الغباشي, قسم الإعلام جامعة الأزهر, 2000 م, دار التوزيع والنشر الإسلامية ميدان سيدة زينب, القاهرة, مصر, 2006 م



MERENUNG KE DALAM DIRI DI SEPANJANG JALAN DAKWAH

Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria, Pengerusi JK Tarbiah Pusat

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن ولاة وبعد

Menjadi kewajipan para duah (pendakwah) untuk merenung jauh ke dalam diri mereka sendiri dan bermujahadah dengan bersungguh-sungguh melawan kehendaknya. Mereka hendaklah sentiasa tegas dalam bermuhasabah dan jangan sekali-kali meremehkan usaha ini dalam apa keadaan sekalipun. Mereka hendaklah setiasa mengambil 'azimah' dalam bermuhasabah sehinggalah Allah s.w.t. meluruskan urusannya. Ini disebabkan jalan dakwah yang sedang dilaluinya ini penuh dengan fitnah (tribulasi) dan persimpangannya terlalu sukar untuk ditempuhi. Justeru Imam Syahid Hasan Al-Banna sering mengingatkan para ikhwannya kepada suatu yang menjadi kewajipan ke atas seseorang al-akh itu bertajuk: (Menghalang berlakunya mudhorat daripada jiwa dan kewajipan menjaganya).. di dalam pesannya bagi anggota Ikhwan Muslimin (IM) pada tahun 1939 setelah selesai berlangsungnya Mukhtamar Kelima beliau berkata:

“Wahai Ikhwan sekalian, beramal untuk memelihara jiwa kita sendiri itu adalah kewajipan pertama dalam susunan keutamaan wajibat kita. Maka hendaklah kamu bersungguh-sungguh bermujahadah dengan diri kamu. Pastikan diri kamu berada di atas ta’alim Islam dan hukum-hukumnya. Jangan kamu meremehkan (meringan-ringankan) ta’alim Islam dan hukum-hukumnya itu dalam apa keadaan sekalipun. Hendaklah kamu sentiasa berada dalam ketaatan dan larilah kamu dari dosa serta bersihkan diri kamu dari perkara-perkara maksiat. Hubungkanlah hati-hati dan perasaan kamu sentiasa dengan Allah yang merupakan pemilik langit dan bumi. Lawanlah kemalasan dan singkirkan perasaan lemah. Pastikan perasaan dan semangat syabab (pemuda) kamu terarah kepada kebaikan dan kesucian. Hisablah diri-diri kamu dalam hal ini dengan penghisaban yang sukar. Berhati-hatilah kamu agar jangan sampai berlalu kepada kamu satu detik tanpa amal yang baik dan tanpa usaha yang murni bagi kemaslahatan dakwah ini”.

Di antara perkara yang perlu diambil berat oleh para duah ialah senantiasa menilik hati dan jiwanya supaya selari antara kata-kata dan amalannya. Kerana mengajak (berdakwah) manusia kepada kebaikan dalam keadaan berlakunya percanggahan dengan apa yang kita serukan adalah suatu musibah besar dan ia adalah satu penyakit yang amat berbahaya. Allah Ta’ala berfirman:

﴿ أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴾

“Apakah kamu menyuruh manusia dengan kebaikan dan kamu lupa terhadap diri kamu sendiri, sedangkan kamu membaca Kitab. Apakah kamu tidak berakal?”.

FirmanNya lagi:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ، كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴾

“Wahai orang-orang beriman, mengapa kamu mengatakan suatu yang kamu tidak kerjakan. Amat besarlah kebencian di sisi Allah s.w.t. bahawa kamu mengatakan suatu yang kamu tidak kerjakan”.

Telah diriwayatkan bahawa Allah Ta’ala telah berfirman kepada Nabi Isa a.s.:

﴿ يَا بِنُ مَرْيَمُ : عِظْ نَفْسَكَ فَإِنَّ اتَّعَطَّتْ فِعْظَ النَّاسِ وَالْإِسْتِخَى مِنِّي ﴾

Maksudnya: “Wahai Ibnu Maryam, nasihatilah akan dirimu terlebih dahulu. Bila kamu telah nasihatkan dirimu, maka nasihatkanlah manusia lain. Jika tidak demikian, maka malulah kamu kepadaKu”.

Di antara akibat buruk mereka itu pada hari qiamat ialah penghuni syurga melihat mereka diazab di dalam neraka, lalu mereka (penghuni syurga) bertanya mereka (dalam neraka): “Apa yang menyebabkan kamu dihumbankan ke neraka?” Sesungguhnya kami dapat masuk syurga dengan sebab ajaran dan tunjuk ajar kamu kepada kami ! Lalu mereka menjawab: “Sesungguhnya kami dulu (di dunia) menyuruh kamu berbuat baik, tetapi kami tidak beramal dengan kebaikan itu, kami dulu (di dunia) melarang kamu dari kemungkaran, tetapi kami telah melakukan kemungkaran tersebut. Sesungguhnya ia adalah suatu yang amat malang bagi kami, kami menyesal sesesal-sesalnya (berlakunya itu di hadapan khalayak ramai pada hari Qiamat).

Kepatuhan antara kata-kata dan amalannya bukan suatu yang senang atas jiwa. Kerana jiwa manusia dikelilingi nafsu syahwat dan kebiasaan (tabiat). Justeru wajiblah para duah melakukan riadhah jiwa; bermujahadah dan menilikinya. Antara faktor yang boleh membantu ke arah itu ialah hubungan dengan Allah s.w.t. dan sentiasa meminta pertolongan daripadanya dan kedekatan jiwa di hadapannya. Oleh itu, tidak mungkin seorang duah itu mampu menjadi qudwah terhadap apa yang diucapkannya melainkan apabila dia berjaya memperkukuhkan hubungannya dengan Allah dan mendapatkan pertolongan daripadanya.



PEMIKIRAN POLITIK SEMASA DI SISI IKHWAN AL-MUSLIMIN:

DOKUMENTASI KAJIAN ANALISA DI MEDAN

Persediaan dan Asas Dari Sudut Syarak
Oleh: Ustaz Dr. Taufiq Yusuf al-Wa'ie

Pemikiran siasah Islam merupakan sifat semula jadi bagi agama ini. Tujuannya agar manusia dapat mengikuti syariat Allah swt secara syumul yang akan mendorong mereka kepada kebaikan dan jalan yang lurus. Masyarakat secara umumnya masih lagi memisahkan di antara Islam dan siasah bahkan menganggap keduanya tidak boleh bertemu. Sebab itulah kita mendapati ada di kalangan umat Islam yang menjauhkan diri dari amal siasi. Apabila sesebuah jamaah Islam mula memperkatakan sesuatu isu berkaitan masyarakat dan negara, mereka dengan segera dituduh telah meninggalkan prinsip perjuangan dan menyeleweng dari sifatnya sebagai jamaah Islam.

Dari awal kemunculan Jamaah Ikhwan Muslimin, Imam Hasan al-Banna telah menulis beberapa risalah yang menyentuh isu-isu siasah dalam Islam. Penglibatan Ikhwan Muslimin dalam amal siasi sejak sekian lama tidak dapat disangkal. Buku 'Pemikiran Politik Semasa di sisi Ikhwan Muslimin' merupakan sebahagian manifestasi penglibatan tersebut.

Buku ini merupakan hasil kajian-kajian ilmiah yang bersifat takhassus. Disediakan oleh pakar-pakar dalam pengkhususan masing-masing. Ia telah melalui berbagai wacana perbincangan, seperti pembentangan, seminar dan berbagai muktamar yang dianjurkan. Kandungan buku ini juga merupakan hasil pengalaman dan penglibatan secara amali oleh Ikhwan Muslimin sendiri dalam mengetengahkan pandangan mengenai isu-isu semasa yang penting sama ada dalam konteks negara-negara Arab dan antarabangsa. Pendirian-pendirian ini telah ditegaskan melalui kenyataan- yang berulang kali di bentangkan dalam berbagai acara dan pertemuan.

Semua hasil ini pada asalnya dalam bentuk helaian yang berasingan dan Jamaah merasakan dokumen-dokumen ini perlu dikumpulkan serta disatukan dalam sebuah buku. Ia merangkumi isu-isu semasa yang panas dan perkara-perkara yang menjadi fokus kepada golongan yang mengambil berat terhadap



urusan yang melibatkan Agama Islam dan kaum Muslimin.

Di antara topik-topik yang terdapat di dalam buku ini adalah:

- Islam dan Hak-Hak Asasi Manusia.
- Prinsip-Prinsip Islah Siasi Di sisi Ikhwan Muslimin.
- Berbilang-Bilang Parti Politik Dalam Daulah Islam.
- Penglibatan dalam Pemerintahan.
- Ikhwan dan Peristiwa Keganasan.
- Wanita dan Jawatan Awam.
- Pendirian Ikhwan Terhadap Non-Muslim Dalam Masyarakat Islam.
- Syura dan Asas Syarak.
- Wanita Muslimah dan Pilihanraya.
- Islam dan Amal Siasi. Banyak lagi topik-topik penting dan menarik dikemukakan dalam buku ini.



GARIS PANDUAN TARBAWI DALAM AMAL SIASI



Segala puji bagi Allah, dan selawat dan salam ke atas Rasul-Nya, Nabi Muhammad bin Abdullah dan keluarganya dan rakan-rakan dan sekutu-sekutunya.

Allah SWT berfirman:

﴿ قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (١٦٢) لَا شَرِيكَ لَهُ ۗ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ (١٦٣) ﴾

(Katakanlah bahawa sembahyangku, ibadatku, hidup dan matiku adalah untuk Allah, tiada sekutu bagiNya, dan dengan itu aku diperintahkan dan serta aku yang pertama menyerah diri (kepada Allah). Al-Baqarah:162-163).

Salah satu tujuan dakwah kepada Allah, menyebarkan kebaikan di kalangan manusia, menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran, menggesa orang ramai menghayati sifat-sifat kemuliaan, dan perkara-perkara yang baik serta memberi amaran kepada mereka agar menjauhi maksiat dan kemungkaran. Di jalan dakwah ini kita melaksanakan dua jenis amal. Pertama usaha berkaitan pembinaan atau takwin dan satu lagi berkaitan memperkenalkan dan ta'rif. Segala usaha dalam dua garisan ini (Takwin – Ta'rif) tidak berasingan tetapi saling melengkapi.

Imam Hassan al-Banna berkata, dalam Risalah 'Ikhwan Di bawah Panji-Panji al-Quran': ... " Wahai Ikhwan Muslimun, bahkan sekalian manusia, kami bukan sebuah parti politik walaupun politik di atas kaedah-kaedah Islam merupakan tunggak fikrah kami, kami bukan sebuah badan kebajikan dan islah walaupun kerja kebajikan dan islah merupakan di antara tujuan kami yang paling besar, dan kami bukanlah pertubuhan sukan, walaupun riadhah fizikal dan rohani merupakan antara wasilah yang paling penting bagi kami. "

Di tempat yang lain Imam Hasan Al-Banna menjelaskan ciri-ciri dakwah: " Wahai Ikhwan anda bukan sebuah badan kebajikan, parti politik atau badan amal yang ditubuhkan dengan tujuan-tujuan terbatas, tetapi anda adalah roh baru yang mengalir di hati umat ini lalu menghidupkannya dengan Al-Quran, dan cahaya baru bersinar yang menghilangkan kegelapan kebendaan melalui makrifatullah Allah, dan suara mulia yang bergema yang mengulang kembali dakwah Rasulullah saw."

Syahid Imam Hassan al-Banna mengatakan:

"Hasil daripada pemahaman yang menyeluruh terhadap

Islam di sisi Ikhwanul Muslimin, maka fikrah mereka pun merangkumi semua aspek pembaharuan dalam umat, dan mewakili semua unsur-unsur pemikiran reformis yang lain, sehingga semua aktivis pembaharuan akan mendapati hasrat mereka dalam fikrah ini. Dengan itu bertemulah harapan para pencinta islah dengan fikrah ini di mana mereka mengetahui serta memahami matlamat-matlamatnya. Anda boleh mengatakan dan ia tidak salah bahawa Ikhwan Muslimin itu merupakan seruan dakwah kepada salaf, jalan yang berpandukan Sunnah, hakikat kesufian, badan politik, kumpulan sukan, ikatan ilmuwan kebudayaan, syarikat ekonomi dan idea kemasyarakatan." (Risalah Mukhtamar Kelima)

Dari itu jelaslah bagi kita bahawa dakwah itu syumul bahkan ia menyusun semua aspek kehidupan termasuklah aspek politik. Begitu jelas bagi kita bahawa siasah yang dilaksanakan di atas kaedah-kaedah Islam merupakan tunggak fikrah kita. Penglibatan politik adalah merupakan satu juzuk dari kewajipan dakwah kita. Bahkan ia merupakan satu bentuk ibadah yang mendekatkan kita kepada Allah swt selagi kita mengikh-laskan niat dan tujuan serta amalan siasah kita bertepatan dengan peraturan Islam.

Di sini kita nyatakan beberapa peraturan dari sudut tarbiah berkaitan amal siasi:

Garis Panduan Tarbiah Dalam Amal Siasi

1. Mestilah menghadirkan niat dan mengikh-laskannya semata-mata kerana Allah swt. Melibatkan diri dengan tujuan yang sebaik-baiknya. Kita fokuskan niat itu untuk Allah swt sahaja, untuk menghadapi Allah Yang Maha Suci, dengan keinginan yang sangat kuat untuk mendapatkan kemaa-fan serta keredaanNya. Kita tidak inginkan di sebalik usaha-usaha kita itu melainkan untuk mendapatkan gan-jaran dan pahala dari Allah SWT, kita ingin memenangkan kebenaran serta pendukung-pendukungnya, bahkan sebenarnya kita mahu memperkasakan agamaNya. Di dalam hadis Rasulullah saw bersabda:

(Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat, dan bagi setiap orang itu apa yang ia niatkan...)

2. Sesungguhnya pergerakan di jalan dakwah yang umum termasuk amal siasi adalah ibadah kepada Allah SWT. Setiap pergerakan demi dakwah dengan niat yang ikhlas dan tawajjuh yang benar, serta bertepatan dengan syariat merupakan ibadah kepada Allah SWT. Dari logik ini kita mesti merasakan makna ibadah dan perhambaan dalam

amal-amal siasi kita.

3. Kita semua mestilah diingatkan agar berhati-hati sepenuhnya agar amal-amal siasi yang kita lakukan dan dilihat oleh manusia agar tidak dicemari kekotoran riak atau sum'ah, atau suka untuk mencari kedudukan dan menjadi tumpuan di majlis-majlis di mana hal-hal ini menyebabkan rosaknya jiwa dan penyakit hati maka akan sia-sialah segala usaha bahkan hilang pula ganjaran pahalanya. Seperti pepatah Arab: (Sesungguhnya orang yang tergelincir itu adalah orang yang tidak ikhlas).
4. Orang yang memimpin amal siasi di kalangan kita hendaklah terdiri dari mereka yang mempunyai reputasi yang baik, kelakuan dan watak yang mulia, memiliki ciri-ciri ketakwaan, peribadi yang berakhlak mulia, mampu mempengaruhi masyarakat umum dan tidak pula dipengaruhi oleh penyakit dan kerosakan masyarakat. Mereka hendaklah yang terbaik dalam mengetengahkan dakwah kepada masyarakat. (Qudwah sebelum dakwah) dan (Bersifat soleh adalah asas kepada islah).
5. Peringatan penting bahawa amal siasi itu tidak sepatutnya memalingkan seluruh individu dalam saff dari kewajipan tarbawi terhadap diri mereka sendiri, dari sudut keimanan, ibadah, akhlak dan lain-lain. Ini adalah bekalan yang lazim untuk setiap pendakwah yang bergerak. Kita mendapatkan bekalan melalui aktiviti-aktiviti tarbiah dalam bentuk fardi ataupun jamaa'ie, kerana tarbiah merupakan bekalan dan pergerakan, menerima dan memberi. Tidak mungkin untuk bergerak dan memberi secara berterusan melainkan dengan mendapat bekalan tarbawi yang juga berterusan. (tarbiah dan takwin jalan kita kepada kemenangan).
6. Perlunya penjagaan tarbawi yang khusus untuk tokoh politik dan pemimpin dalam amal-amal am. Di samping usaha dan pengorbanan mereka yang sangat dihargai, mereka di waktu yang sama amat memerlukan penjagaan tarbawi yang berterusan, kerana mereka menjadi ketua dalam sesuatu majlis, sentiasa menaiki berbagai pentas, menjadi fokus kepada cahaya kamera, penonjolan di dada akhbar dan kaca TV. Tujuan penjagaan ini adalah untuk melindungi mereka daripada terpesona dan terfitnah, dan takut akan berubahnya hati jika ia tidak dipelihara dengan sebaik-baiknya, maka dengan itu hati-hati itu akan terikat dengan dunia yang sementara dan nafsu pula kepada kegelinciran dari jalan dakwah, serta menyeleweng dari keseriusan dan kesungguhan, menjauhi dari tujuan dan matlamat, maka di sinilah berlakunya kebinasaan. (semoga kita dijauhkan olah Allah swt). Qatadah meriwayatkan dari Anas r.a bahawa rasulullah saw bersabda:

“ tiga perkara yang membinasakan, sifat bakhil yang di-

patuhi, hawa nafsu yang ditaati dan kekaguman seseorang itu terhadap dirinya sendiri.” [Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan dianggap sahih oleh al-Bani].

7. Dalam amal siasi kita hendaklah mengambil berat ber-sungguh-sungguh terhadap kesempurnaan adab dan kemuliaan akhlak. Dalam bab ini Imam Hasan al-Banna mengingatkan: “ Dan kamu hendaklah bersifat benar dan tidak melangkaui hakikat, maka kempen kamu itu mestilah dalam batas adab yang sempurna dan akhlak yang mulia.
8. Jangan sampai penglibatan kita dalam siasah dan persain-gan di antara parti membawa kepada permusuhan yang meruncing atau membawa kepada persahabatan yang memudaratkan, di mana kedua-duanya menyebabkan terhalangnya perjalanan atau melumpuhkan dan melewatkan kita untuk sampai kepada ghayah, ataupun hilangnya peluang dan perkongsian yang sepatutnya boleh kita manfaatkan untuk dakwah dan penyebaran risalah.
9. Jangan kita lupa sama sekali dalam semangat melaku-kan amal siasi dan persaingan kepartian bahawa kita tetap sebagai du'at, pemilik prinsip dan etika. Oleh itu pe-saing serta penentang kita mestilah dapat melihat etika kita dalam bermuamalah dan berinteraksi. Seorang pun dari pada kita tidak sewajarnya tergelincir ke kancah keburukan akhlak dan muamalah yang keji semata-mata kerana kepentingan politik. Kerana amal siasi itu adalah sebahagian daripada agama dan akhlak kita, dan matlamat tidak menghalalkan cara, kerana kita sentiasa mengehendaki redha Allah dalam semua tindakan kita.
10. Jangan di tangguh, di batal, dipendekkan atau bertukar program tarbiah kita di musim amal siasi, kerana tarbiah adalah sumber bekalan, mata air yang menyumbang kepada pergerakan yang sahih, namun ini tidak menghalang kita untuk menyesuaikan dengan realiti dan keadaan dengan mengambil satu sudut darinya untuk tujuan siasah.
11. Melalui aktiviti-aktiviti politik yang umum, hendaklah dimanfaatkan untuk tujuan dakwah dan tarbiah. Kita hendaklah merancang agar dapat disebarluaskan kebaikan, kebajikan dan nilai-nilai Islam yang agung dalam masyarakat. Ini yang dikatakan tauzif dakwi. Kita juga perlu merancang agar bertambah kukuhnya rabtul-am dan meningkatnya pendukung dakwah agar dapat disaring anasir yang bersih dan berminat untuk bersama halaqah dan program tarbiah kita. Ini yang dikatakan sebagai tauzif tarbawi. Tidak syak lagi bahawa sebahagian dari kita yang memiliki kemahiran dalam amal-am sebenarnya adalah pulangan tarbawi dari penglibatan siasah.

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين

PERANAN MUSLIMAH DALAM PENGISLAHAN

Datin Paduka Che Asmah Ibrahim
Ketua Wanita IKRAM

KEADAAN UMMAH DAN MASYARAKAT MALAYSIA MASA KINI

Ummah dan masyarakat Malaysia pada hari ini sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran besar dari sudut sosial, ekonomi dan kepimpinan dalam menuju negara maju menjelang 2020. Di antara cabaran yang sedang dihadapi adalah meliputi isu-isu kekeluargaan seperti pengabaian dan penderaan, penjagaan warga emas, keruntuhan akhlak dan moral anak-anak remaja dan pelbagai kemelut lagi yang tidak dapat disenaraikan semuanya di sini. Dari sudut ekonomi pula, rakyat tertekan dengan kos sara hidup yang tinggi terutamanya di bandar-bandar, peningkatan harga barang, kuasa membeli yang makin mengecil dan bebanan hutang keluarga yang tinggi. Rakyat juga dihipit penguatkuasaan GST dan negara sedang ditimpa musibah kejatuhan mendadak nilai ringgit. Kemuncak kemelut yang menimpa rakyat Malaysia tahun ini adalah krisis kepemimpinan tertinggi negara, yang diharapkan dapat mengawal kesejahteraan rakyat dan membawa masyarakat keluar dari semua bentuk kepincangan sosial tersebut, namun sebaliknya memaparkan kredibiliti kepimpinan yang penuh keraguan, termasuk dalam soal amanah kewangan.

Allah SWT menyebut di dalam surah Saba ayat 15 akan sebuah Negara yang digambarkan sebagai Negara 'Baladatul Tayyibatun Warabbun Ghafur' iaitu Negara yang baik (aman dan makmur), dan diampunkan Tuhan yang Maha Pengampun. Negara yang mendapat nikmat kemakmuran di bumi dan keampunan di langit. Situasi negara sebeginilah yang menjadi impian setiap warganegara Malaysia. Oleh itu kesemua cabaran yang sedang dihadapi memerlukan kepada satu proses pengislahan yang menyeluruh dilakukan di semua peringkat masyarakat untuk mengembalikan kehidupan rakyat kepada suasana yang aman dan makmur. Pengislahan membawa dua maksud besar iaitu melakukan pembaikan bagi mengelakkan kerosakan dan membawa perubahan yang boleh mewujudkan perdamaian di dalam keseluruhan masyarakat. Islam telah mengajar umatnya untuk sentiasa melakukan perubahan secara berterusan dari baik kepada yang lebih baik sehingga manusia kembali kepada risalah tauhid dan syariat Islam yang sempurna. Oleh itu, proses pengislahan adalah satu proses yang memerlukan penglibatan bersungguh-sungguh masyarakat samada lelaki mahupun wanita dan hendaklah dibuat selaras dengan kehendak dan tuntutan Al-Quran.

Wanita muslimah seharusnya terpenggil untuk memainkan peranan pengislahan ini. Sebagai wanita yang dikurniakan

keistimewaan hati yang penuh kelembutan untuk melakukan sesuatu dengan penuh kasih sayang, maka wanita sepatutnya berada di barisan hadapan sebagai agen pencetus dalam melakukan pengislahan. Sifat kelembutan dan perasaan kasih sayang semulajadi yang ada di dalam diri mereka sebenarnya akan terus mempengaruhi peranan mereka dalam proses pengislahan di dalam masyarakat.

Selain daripada itu, wanita juga mempunyai hak dan kewajipan yang sama dengan lelaki dalam melaksanakan tugas-tugas Ad-Din. Firman Allah SWT:

﴿وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ قَبْرًا﴾

Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun. (Surah An-Nisa' Ayat 124)

Islam juga telah mengiktiraf kepentingan peranan wanita dalam pembangunan diri, keluarga dan masyarakat seperti yang telah difirmankan Allah swt :

﴿وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ﴾

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah Attaubah ayat 71)

Risalah yang dibawa oleh Rasulullah SAW telah mengangkat darjat wanita dan memimpin mereka untuk memainkan peranan yang sebaik-baiknya selaras dengan matlamat kejadian mereka. Berbeza dengan zaman sebelum Islam, cara hidup Islam telah mencetuskan revolusi sosial yang mengubah masa depan wanita.

dalam pembinaan masyarakat.

Peranan Wanita dalam Pengislahan Diri dan Masyarakat

Pentarbiyah Dan Pembinaan Jatidiri

Wanita yang akan melakukan pengislahan perlu berazam untuk sentiasa memperbaiki diri dan melakukan pengislahan dalaman diri secara serentak dengan tugas-tugas lain. Ini memerlukan kepada proses membudayakan muhasabah yang berterusan.

Wanita muslimah perlu membina kemampuan diri untuk



Gambar: Laman Facebook Masjid Al Islam Sg Bago

menjadikan agenda pentarbiahan sebagai agenda peribadi yang perlu dilalui dan dicapai sepenuhnya mengikut susunan manhaj yang telah disediakan. Bagi membolehkan wanita berperanan sebaik-baiknya, wanita juga perlu sentiasa mencari peluang mencari ilmu yang bermanfaat agar mereka dapat mengenal matlamat hidup, membina jati diri, melaksanakan tanggungjawab, menuntut hak dan membuat keputusan dalam hidupnya. Budaya pembelajaran sepanjang hayat perlu hidup subur di dalam diri wanita. Mencari ilmu bukan hanya tertumpu untuk meningkatkan kecerdasan intelek semata-mata tetapi juga meningkatkan kecerdasan dan kemahiran mengurus emosi dan spiritual sendiri dengan baik bagi mengambil kedudukan dan berperanan di dalam sosio masyarakat. Dengan kekuatan ilmu yang membawa kepada peningkatan iman dan takwa, maka wanita akan berupaya menjadi agen perubahan kepada pembangunan insan yang syumul dalam mendidik ahli keluarga dan masyarakat.

Pengislahan Keluarga Dalam Pembentukan Keluarga Muslim

Institusi keluarga adalah merupakan institusi Rabbani yang dibina berdasarkan kehendak dan tuntutan Ilahi. Asas institusi keluarga adalah untuk menjamin kepentingan wanita samada bagi wanita yang belum atau telah berumahtangga. Dengan itu, pembinaan baitul muslim adalah merupakan asas penting

Firman Allah Ta'ala

﴿ وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴾

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (Surah Ar-Ruum: 21)

Hubungan lelaki dan wanita dalam rumahtangga adalah suatu hubungan yang mulia yang didasarkan atas perkongsian hidup, pembahagian tugas khusus, layanan yang baik dan menunaikan tanggungjawab dengan sempurna menurut syariat. Pengislahan perlu dilakukan di dalam masyarakat bagi memastikan wanita dan lelaki meletakkan keutamaan kepada tugas melindungi, memelihara, mendidik dan menguruskan keluarga masing-masing. Kedua-duanya perlu berusaha melahirkan suasana tenang dan tenteram, semarakkan kasih sayang, mawaddah dan rahmah di dalam sesebuah rumah tangga. Anak-anak yang membesar di dalam suasana yang penuh kasih sayang akan menjadi insan-insan cintakan kedamaian dan keharmonian yang diperlukan oleh sebuah Negara rahmah.

Wanita juga perlu mendidik dirinya dan ahli keluarga bagi memiliki sifat rahmah. Ianya perlu bermula di dalam diri sendiri dan dizahirkan dalam bentuk tindakan, amalan, perbuatan dan percakapan. Rahmah itu bermula di rumah apabila semua ahli keluarga mentaati perintah Allah dan menjauhi larangannya, menghormati antara satu sama lain, berinteraksi dengan penuh kasih sayang dan saling bekerjasama melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Pengislahan Masyarakat Dalam Membangunkan Komuniti Yang Efektif

Sebagai seorang pendakwah, gerak kerja kita di dalam masyarakat perlulah boleh menambat hati ahli masyarakat bagi mengubah mentaliti dan cara berfikir mereka terutamanya yang berkaitan dengan sosio-politik semasa.

Wanita muslimah hendaklah membina keyakinan diri untuk memimpin masyarakat bagi meyakini bahawa Islam

adalah satu-satunya cara hidup yang diredhai Allah dan mampu memberi jalan keluar dan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi oleh kehidupan di dunia ini. Ini perlu dibuktikan dengan amalan kita yang menggambarkan sedemikian. Syariat perlu dilihat menjadi penyelesaian kepada masalah masa kini dan bukan penyumbang kepada masalah. Penyelesaian ini memerlukan kepada pendekatan yang kontemporari dan bukan hanya retorik kejayaan masa lampau.

Wanita muslimah perlu tampil mencorak pemikiran ummah. Terlibat dalam semua proses penggubalan dasar dan perundangan yang adil dengan memberi pendekatan alternatif berpandukan syariah terutamanya bagi mengembalikan martabat dan meningkatkan kesejahteraan hidup wanita di dalam struktur sosial masyarakat.

Salah satu dari cara untuk memimpin masyarakat adalah dengan menzahirkan sifat rahmah dalam diri, keluarga dan masyarakat. Ini perlu dilakukan dengan h dengan melakukan perubahan minda dari menolak, membenci perbezaan kepada menerima, memahami dan meraikan perbezaan. Di dalam surah Al- Ruum, ayat 22 , Allah SWT telah berfirman :

﴿ وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافَ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَأْنِمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ ﴾

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.

Ayat ini menerangkan kepada kita bahawa perbezaan bahasa dan warna kulit di kalangan umat manusia adalah merupakan bukti kekuasaan Allah SWT yang mempunyai hubungan dengan penciptaan langit dan bumi itu sendiri.

Dalam sebuah Negara masyarakat majmuk yang menaungi rakyat pelbagai bangsa, keturunan, agama dan budaya seperti Malaysia, adalah amat penting untuk kita melahirkan rakyat

yang berjiwa besar yang dapat meraikan kepelbagaian yang ada. Rakyat berjiwa besar boleh memahami perbezaan kejadian manusia yang melambangkan keagungan Tuhan pencipta kejadiannya, bertoleransi antara kaum dan agama, hormat menghormati dan saling faham memahami berusaha bersama mencapai keharmonian Negara. Usaha ini perlu dibuat dengan seimbang agar semua kaum, bangsa dan agama dapat memahami had-had persamaan yang dapat dipersetujui bersama dan perbezaan yang perlu dihormati.

Penutup

Marilah kita sama-sama berganding bahu mengerakkan proses pengislahan ini dengan bersungguh-sungguh bermula dengan diri, keluarga dan masyarakat dengan semangat juang yang tinggi sehingga kita beroleh kejayaan atau syahid dijalanNya. Firman Allah SWT di dalam

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مَن يَرْتَدَّ مِنكُم عَن دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهَ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ ۖ أَذِلَّةٌ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٌ عَلَى الْكَافِرِينَ يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَؤْمَةٍ ۚ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari ugamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang la kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; kerana Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Meliputi PengetahuanNya.(Surah Al Maidah ayat 54)

~Mutiara Hadis~

Ketika Umar ibnul Khaththab radhiyallahu ‘anhu bertanya kepada Rasulullah Shalallahu ‘alaihi wa sallam : “Wahai Rasulullah, harta apakah yang sebaiknya kita miliki ?” Beliau Shalallahu ‘alaihi wa sallam menjawab : “Hendaklah salah seorang dari kalian memiliki hati yang bersyukur, lisan yang senantiasa berzikir dan isteri mukminah yang akan menolongmu dalam perkara akhirat.”

(HR. Ibnu Majah no. 1856, dishahihkan Asy-Syaikh Al Albani rahimahullah dalam Shahih Ibnu Majah no. 1505)





IKHWAN & KEKUASAAN

Risalah Mukhtamar Kelima Imam Al-Banna persoalan usaha ke arah kekuasaan disertai beberapa keterangan. Beliau menjawab persoalan-persoalan manusia tentang pendirian IM tentang pemerintahan, katanya:

Ada sekelompok manusia bertanya: adakah dalam manhaj IM membentuk kerajaan, menuntut ditegakkan kerajaan? Apakah wasilah untuk ke situ? Saya tidak membiarkan mereka tertanya-tanya dalam kehairanan, saya tidak bakhil untuk memberi jawapan..

Maka IM berjalan di semua langkah, cita-cita dan gerak kerja mereka di atas petunjuk Islam yang suci seperti mereka faham, sama seperti penjelasan kefahaman mereka sedari awal kalimatnya ini.

Dan Islam yang diimani oleh IM ini menjadikan kerajaan itu satu rukun dari rukun-rukunnya. Islam berpegang kepada pelaksanaan sama seperti berpegang kepada tunjuk ajar. Dahulu Khalifah Ketiga RA mengatakan: "Sesungguhnya Allah menghalang dengan kekuasaan apa yang tidak boleh dihalang dengan al-Quran". Nabi SAW menjadikan kerajaan satu simpulan daripada simpulan-simpulan Islam.

Pemerintahan dikira sebagai akidah dan usul di dalam kitab-kitab Fekah kita, bukan perkara fekah dan furuk. Islam adalah pemerintahan dan pelaksanaan, ia juga tasyrik dan taklim, undang-undang dan kehakiman, tidak pernah terpisah. Para musleh Islam jika dia redha dengan hanya menjadi faqeh, penunjuk yang menetapkan hukum, membaca taklim dan menjelaskan furuk dan usul, tapi membiarkan golongan penguasa menggubal undang-undang untuk umat apa yang Allah tidak izinkan, menggunakan kuasa menekankan pelaksanaan hukum yang menyalahi perintah Allah... natijahnya secara semulajadi suara para musleh akan menjadi sia.

Terkadang boleh difahami bilamana para musleh Islami hanya berpada sekadar memberi nasihat dan petunjuk bila mereka dapati di kalangan pemegang kuasa mereka yang tunduk kepada perintah-perintah Allah dan melaksanakan hukumnya dan memenuhi tuntutan ayat-ayat Allah dan hadis-hadis Nabinya. Adapun situasi yang kita lihat: iaitu tasyrik Islami di satu sudut dan pelaksanaannya pula di sudut yang lain, maka para musleh yang hanya duduk dan membiarkan sahaja apa yang berlaku tanpa menuntut pemerintahan adalah jenayah yang tidak boleh diampunkan melainkan bangkit dan merebut kuasa pelaksana dari tangan-tangan mereka yang tidak percaya dengan hukum-hukum Islam yang maha suci itu. Ini kata-kata

yang jelas bukan dari pihak kami sendiri, tetapi kami memperakuiinya melalui hukum-hukum Islam yang maha suci. Justeru IM tidak menuntut kerajaan untuk diri mereka. Jika ada di kalangan umat mereka yang bersedia menanggung beban dan menunaikan amanah ini serta berhukum dengan manhaj Islam dan al-Quran, mereka menjadi tentera dan penolong, jika tidak maka menuntut kerajaan itu menjadi manhaj mereka....IM amat peka dan sedar dalam proses menuntut kerajaan sedangkan jiwa umat seperti sekarang, maka mesti ada beberapa tempoh di mana asas IM ini disebar dan diarusperdanakan sehingga rakyat belajar bagaimana mereka harus mengutamakan maslahat umum ke atas maslahat peribadi.

Ucapan kedua:

Sesungguhnya adalah silap bilamana setengah orang menyangka bahawa IM pada satu-satu masa menjadi kuda tunggangan kepada kerajaan tertentu atau melaksanakan matlamat selain matlamat mereka atau bekerja di atas manhaj yang lain. Ketahuilah IM tidak demikian.

Justeru dengan taufik Allah Ta'ala kepada Imam Al-Banna ketika menubuhkan IM....asasnya sebagai jamaah dakwah, objektifnya mengislah masyarakat, kembali menghidupkan kerajaan Islam, merealisasikan kesatuan Islam di antara negara-negaranya sehingga tertegaknya ustaziyyat al-alam dan memimpinya.

Di atas prinsip inilah juga IM berjalan mengikuti jalan yang telah dirangka itu, tidak akan lari walaupun seinci. Itulah jalan yang disyariatkan Islam, diterangkan jalannya oleh Nabi SAW dan langkah itu dihayati oleh para imam, para ulama serta fuqahak yang besar, akhirnya dihidupkan kembali oleh Imam Al-Banna setelah mengkaji petunjuknya dengan mendalam.

Imam Al-Banna tidak pernah menuntut kekuasaan atau pemerintahan atau berusaha merealisasikan cita-cita peribadi mahupun material. Beliau pernah menolak menjadi menteri atau kedudukan beberapa kali, dan hidup sederhana dalam mencontohi yang demikian itu daripada Imam para nabi dan para rasul SAW yang wafat sedang baju besinya tergadai pada seorang yahudi... yang bersabda: "Hanya sanya saya ini adalah anak seorang perempuan yang memakan daging kering di tanah Makkah". Dia adalah kekasih Ar-Rahman dan makhluk terbaik, paling dikasihi di kalangan makhlukNya, ke atasnya seafdal selawat dan salam.....



TARBIAH SIYASIAH DI SISI IMAM HASAN AL BANNA

Hasan Al-Banna adalah seorang lelaki yang memiliki pelbagai kewibawaan dan kemampuan; dia alim dan da'ie, musleh, mujaddid, qaid dan pemimpin, juga murabbi kelas pertama.

Dia seorang murabbi diukur dari segi kewibawaan, dari segi pelajaran dan juga pergaulan. Dia memiliki segala alat yang diperlukan oleh seorang murabbi yang berjaya; pandangan yang tajam, hati yang besar, akal yang terbuka, lidah yang fasih, wajah yang ceria, firasat yang unit di samping ilmu yang luas dan pengalaman kesenian dan kemasyarakatan.

Tidak pelik bila kita lihat dia dapat memberi kesan yang cepat kepada setiap orang yang bersahabat dan bergaul dengannya. Bahkan pada setiap orang yang ditemuinya secara tidak formal, kalian lihat dia dapat memberi peringatan dengan satu kalimah yang amat bermakna atau menunjukkan pendidikan yang berkesan atau cerita yang bersesuaian atau lain-lain yang diketahui ramai tentangnya.

Benarlah kata-kata beliau: "Tanda seorang lelaki yang soleh ialah dia dapat meninggalkan di setiap tempat yang disinggahinya kesan yang baik". Demikianlah apa yang telah terjadi.

Tarbiah pada pandangan Imam Al-Banna dihiasi dua ciri yang asas:

1. Takamul (kesempurnaan)
2. Tawazun (keseimbangan)

Makna takamul bahawa tarbiah tersebut syumul, tidak hanya pada sudut-sudut tertentu. Ia mengandungi ruh, jasad, akal dan perasaan, hati dan naluri dalaman. Berfungsi membentuk individu muslim yang sempurna...rohnya dengan ibadat, badannya dengan riadhah, akalnya dengan ilmu, akhlakunya dengan sifat-sifat terpuji, kemasyarakatan dengan bersama-sama menyumbang khidmat, politik dengan membawa kesedaran kepada tanahair dan umat terhadap isu-isu yang melingkungi. Demikianlah tarbiah tidak hanya pada sudut-sudut tertentu sahaja dengan mengabaikan yang lain..

Makna tawazun bahawa ia memberi hak kepada setiap sudut dengan adil saksama, tidak melebihi satu sudut dan mengabaikan sudut yang lain. Bahkan dikatakan kepada yang

melampaui had: berhenti pada had yang ditentukan bagi kalian, iltizam dengan jalan lurus yang ditentukan buat kalian. (Sesiapa yang mahu penjelasan terperinci terhadap dua perkara ini –takamul dan tawazun- boleh rujuk buku kami –Ciri-ciri Umum Dalam Islam- dua ciri utama syumul dan wasatiyah m/s 95-115).



Tidak pelik bila kita perhatikan bahawa antara jenis tarbiah yang amat dititikberatkan oleh Al-Banna ialah: Tarbiah Siyasiyah yang dahulunya dilupai oleh majoriti orang agama dan badan-badan agama yang bergerak di Mesir pada masa itu.

Sudut Siyasi

Benar.. Bahawa antara sudut penting yang dititikberatkan oleh Imam Al-Banna ialah sudut siyasi. Yang kita maksudkan ialah suatu yang berkaitan dengan urusan-urusan pemerintahan, sistem daulah, hubungan di antara kerajaan dan rakyat, hubungan di antara daulah dan lain-lain negara..sama ada yang Islam dan non Islam, hubungan dengan penjajah (penceroboh), pendirian berkaitan parti-parti, perlembagaan dan demokrasi dan lain-lain isu.

Sudut ini sebelum dakwah Hasan Al-Banna dan berdirinya madrasah Al-Banna tidak pernah dipedulikan oleh jamaah Islamiah –dengan kata lain jamaah agama di Mesir- ia berada di luar kotak pemikiran dan aktiviti. Konsep siyasah bertentangan dengan konsep agama seperti pertentangan yang berlaku antara hitam dan putih, ia tidak tergambar boleh bersatu pada satu individu atau pada satu jamaah. Manusia itu terbahagi kepada 2 jenis: Sama ada orang agama atau orang politik. Jamaah pun ada 2 jenis: Sama ada jamaah agama atau jamaah politik. Dan haram ke atas orang agama menyibukkan dirinya dengan politik, sama juga haram ke atas orang politik menyibukkan dirinya dengan agama. Contohnya campur tangan jamaah agama dalam urusan politik atau orang politik campur

tangan dalam urusan agama. Kadang-kadang berlaku toleransi orang politik atau jamaah politik mencampuri urusan agama. Sebaliknya dosa yang tidak boleh diampunkan dan sama sekali tiada toleransi ketika itu bila orang agama atau jamaah agama mencampuri urusan politik!!!

Di atas dasar inilah berdirinya di Mesir –dan lain-lain tempat- jamaah-jamaah agama sedemikian; seperti tarekat-tarekat sufi, badan-badan agama yang bermacam-macam yang memperuntukkan dalam perlembagaan dan struktur asasnya bahawa ia tiada kaitan dengan politik.

Di pihak satu lagi wujudnya kumpulan- kumpulan lain yang tiada kaitan pula dengan agama; iaitu apa yang dinamakan sebagai parti-parti seperti Parti Negara atau Parti Ummah atau Parti Wafdu dan pecahan-pecahannya, Parti Dustur dan lain-lain. Semua parti tersebut berkongsi pada ciri masyarakat sivil atau sekular. Teori pemikiran dan perilakunya berdiri di atas asas memisahkan agama dari daulah dan mengasingkan daulah dari agama, sekalipun ada antaranya yang lebih sederhana mengikut kecenderungan kepimpinannya. Parti Negara dulu lebih cenderung kepada Islam yang dpt dilihat dalam Institusi yang diketuai oleh Mustafa Kamil dan pengganti-penggantinya.

Parti-parti ini semua mendokong negara iklim yang sempit. Kebanyakannya kita lihat tegak bagi menghidupkan semangat-semangat jahiliah lama seperti semangat firau di Mesir, semangat finiqiyah di Syria, semangat asyuriyah di Iraq. Mereka yang tidak mendokong dengan semangat kenegaraan, mendokong semangat perkauman seperti perkauman thuraniyah di Turki, perkauman arabiyah di negara-negara Arab, perkauman suriyah di Syria Kubra.

Hasan Al-Banna terpaksa berperang bagi menolak konsep-konsep yang salah berkaitan hubungan di antara agama dan politik.. konsep-konsep itu telah ditanam oleh kejahilan dan hawa nafsu didorong oleh penjajahan ilmu melalui siraman dan pemeliharaan rapi sehingga mengakar dalam dan bercabang ranting-rantingnya.

Pemikiran salah ini mesti diperangi dengan pemikiran yang betul; iaitu kesyumulan Islam merangkumi semua sudut kehidupan, antaranya politik seperti yang ditunjukkan oleh Al-Quran dan hadith serta petunjuk Rasulullah dan sirah para sahabat, juga amalan umat sepanjang 13 kurun atau lebih. Cukuplah bagi kita di sini Al-Quran memberi amaran agar tidak berlaku pengabaian terhadap sebahagian ayat yang Allah firmankan:

﴿وَأَن آخِمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَآخِذْهُمْ أَنَّ يَفِئْتُونَكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِن تَوَلَّوْا فَاعْلَمْنَا أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَن يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِن كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ﴾

“Dan hendaklah engkau putus perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan jangan engkau mengikuti keinginan mereka. Dan berwaspadalah terhadap mereka, jangan sampai mereka memperdayakan

engkau terhadap sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu”.(Al-Maidah:49)

Al-Quran juga mencela Bani Israel yang mengambil sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain, firman-Nya: “Apakah kamu beriman kepada sebahagian kitab (Taurat) dan ingkar terhadap (yang lain)? Maka tidak ada balasan bagi orang yang berbuat demikian di antara kalian melainkan kecelakaan di dunia dan di hari kiamat kelak mereka akan diazab dengan azab yang berat”. (Al-Baqarah:85)

Ada beberapa ungkapan Imam Syahid yang hampir dihafal oleh majoriti Ikhwan, antaranya kata-kata yang dalam salah satu risalahnya: “Bila ditanya kepada kalian: Ke arah mana kamu menyeru? Maka kata: Kami menyeru kepada Islam yang dibawa oleh Muhammad SAW dan kerajaan sebahagian darinya, kebebasan adalah satu fardhu daripada fardhu-fardhunya.

Bila dikatakan kepada kalian: ini adalah politik, katakan kepada mereka: inilah dia Islam, kami tidak mengenali pembahagian2 ini”.

(Risalah Antara Semalam dan Hari Ini dari Majmuk Rasail Imam Syahid Hasan Al-Banna m/s 160 cetakan Muassasah Islamiyah cetakan dan sebaran Bairut).

Imam berkata menjawab terhadap orang yang mengatakan bahawa IM golongan politik dan dakwah mereka dakwah berbau politik:

“W a h a i kaum kami, sesungguhnya kami menyeru

kalian sedang al-Quran di kanan kami, as-Sunnah di kiri kami, amalan para salafus solihin dari umat ini menjadi qudwah kami. Kami menyeru kalian kepada Islam, ta’alim Islam dan hukum2 Islam. Jika ini dikira daripada politik di sisi kalian, maka inilah politik kami. Jika orang yang menyeru kalian kepada prinsip2 ini menjadi orang politik, maka kami adalah orang lama (veteren) dalam politik alhamdulillah. Jika kalian mahu menamakan itu sebagai politik maka katakan ikut kemahuan kalian, nama-nama itu tidak akan memberi mudarat bila penjenamaan itu jelas dan matlamatnya jelas”.

(Risalah Dakwatuna dari Majmuk Rasail m/s 37)

Sumber: Buku (Tarbiyah Siyasiyah Di Sisi Imam Hasan Al-Banna – Qardhawi)



HUBUNGAN ANTARA AMAL TARBAWI DAN SIASI



Sheikh Mohammed Abdullah Al-Khatib

Ada Dua Titik Tolak Yang Asas Dalam Amal Siasi.

Pertama : Amal siasi islami merupakan amal madani sepenuhnya kerana bidang amalnya adalah urusan kehidupan dan duniawi semata-mata seperti urusan mesyuarat, ekonomi, dasar dan lain-lain. Ia tidak berkait dengan hal-hal agama semata-mata seperti ibadat, ritual dan akidah, di mana medan amalnya dakwah bukan siasah. Ia merupakan amal berkaitan tindakan sivil namun sumber hukum-hakam, penyusunan organisasinya adalah dari syariat Islam, dengan segala yang terkandung di dalamnya seperti nas-nas Ilahi, ijihad-ijihad akli dan penemuan ilmu manusia.

Kedua: Amal siasi islami merupakan sebahagian daripada kerja-kerja amal islami yang umum, yang bertolak dari kesyukuran Islam yang merupakan manhaj kehidupan yang lengkap. Ini merupakan akidah seseorang muslim di mana tidak sah iman dan tidak lengkap agama melainkan dengannya.

Berdasarkan sifat semulajadi yang kompleks ini kita boleh mengatakan bahawa amal siasi Islami adalah amal siasi yang bersifat madani itu sendiri dan dicorakkan dengan corak Islam, komited kepada nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam, dan ia dibahagikan seperti berikut:

1. Bagi menjayakan kerja-kerja politik Islam, maka mestilah mengikut manhaj Islam, asas-asas sains politik kontemporari dan prinsip-prinsip amal siasi yang umum seperti yang dijelaskan di atas.
2. Komitmen penuh kepada nilai-nilai, prinsip-prinsip, akhlak Islam yang mulia dan kesahihan ghayah dan wasilah, dan larangan cara politik kepura-puraan seperti pembohongan, berkomplot, membolehkan maklumat-maklumat yang salah, munafik, tidak berkredibiliti serta menggunakan prinsip bahawa matlamat menghalalkan cara serta disertai dengan kemahiran untuk memalukan dan mendedahkan melalui pendekatan yang tidak beretika.
3. Mesti mengambil kira hukum-hukum syarak, bermula dari konsep-konsep Islam yang betul dalam wacana politik, sikap, tindakan politik keseluruhannya iaitu dengan mengambil kira persoalan realiti dan keadaan tempatan, serantau dan global. Firman Allah swt yang bermaksud:

“Telah dikalahkan bangsa Rumawi, di negeri yang terdekat dan mereka sesudah dikalahkan itu akan menang dalam beberapa tahun lagi. Bagi Allah-lah urusan sebelum dan sesudah (mereka menang). Dan di hari (kemenangan bangsa Rumawi) itu bergembiralah orang-orang yang beriman, Karena pertolongan Allah. Dia menolong siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Dialah Maha Perkasa lagi Penyayang.”

(Ar-Rum: 1-5)

4. Mengambil kira siasah syariah, pengetahuan mengenai fiqh realiti, data-data, hal-hal semasa, kemahiran menghubungkan kait antara fekah berbentuk teks dan pelaksanaan dalam realiti amali, keseimbangan antara kaedah-kaedah Islam dan perkembangan semasa yang memerlukan fleksibiliti dalam pergerakan, juga evolusi yang berterusan pada pendirian-pendirian yang bersifat juz’l dan interim, dan begitu juga wasilah-wasilah untuk mencapai objektif strategik.
5. Bermula dari kesejagatan Islam dan pentadbirannya untuk semua aspek kehidupan, maka amal siasi islami mestilah mengangkat isu-isu utama yang dihadapi oleh negara, sebagai sebahagian daripada amal islami, terutamanya pengislahan politik dan penghapusan kepada fenomena penyelewengan dalam aspek kewangan, pentadbiran, moral, memberikan kebebasan umum, mengiktiraf ketertarikan, disiplin diri, mempromosikan tingkah laku bertamadun Islam dalam semua aspek kehidupan, keadilan dalam pengagihan kekayaan negara kepada rakyat yang membanting tulang, mengarahkan sumber kewangan untuk berlaku adil kepada golongan masyarakat yang lemah dan kurang bernasib baik, menghapuskan jurang perbezaan yang teruk antara yang kaya dan miskin, merealisasikan prinsip peluang yang sama rata atas berdasarkan merit dan kecergasan bukan yang lain, perlindungan wang awam daripada kecurian dan pembaziran serta menjadikannya sebagai milik baitul al-mal al-muslimin, bagi setiap rakyat ada hak yang ditentukan darinya, ia bukan dimiliki oleh kerajaan atau pemerintah di mana dia berkelakuan mengikut apa sahaja yang ia mahu, kerana perkhidmatan beliau pada wang ini terikat dengan kepentingan masyarakat Islam, bersama-sama dengan isu-isu umat Arab dan Islam, terutama soal Palestin. Maka penyelesaian kita terhadap Isu-isu yang unik ini mestilah

dengan corak Islam yang jelas dan berdasarkan thawabit yang bersifat qat'ie, matlamat dan maqasid Islam, dengan menggunakan perkakasan dan mekanisma serta wasail yang islamik, bahkan menggunakan ilmu saintifik moden dan bukannya menjadi nuskah ulangan bagi penyelesaian yang bersifat sekular.

Hubungan Antara Tarbiah Dan Siasah

Intipati hubungan antara tarbiah dan siasah itu pada kepaduan, takamul dan keseimbangan di mana penzahiran ciri-ciri dan dimensi hubungan ini adalah seperti berikut:

1. Proses pentarbiahan adalah kerja-kerja membina asas, tujuannya untuk menyedia, mentakwin rijal, membina kader organisasi serta menyucikan jiwa dan rohani untuk memikul beban kerja di medan siasah yang praktikal. Menanam dalam diri sifat iltizam dalam kehidupan, iltizam dalam tingkah laku dan seluruh urusan dengan satu set nilai dan spesifikasi yang membawa kepada meningkatnya kebolehan dan kapasiti orang itu dengan cara yang sebaik mungkin. Disamping itu menyediakan kelayakan mereka dari sudut ilmu, amali dan latihan berkaitan tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka. Maka apabila proses pentarbiahan dapat dilakukan dengan lebih baik dari sudut takwin dan takhil maka ia akan menghasilkan kesan fungsi yang lebih kemas dan amal yang lebih baik yang boleh menghasilkan buah-buahan dan hasil yang terbaik iaitu dengan usaha paling sedikit dan kesan negatif yang paling

minimum. Namun dia tidak akan dapat melaksanakan fungsi, dan puncanya adalah kelemahan dari sudut pembentukan akhlak dan jiwa, atau tidak diberikan perhatian kepada kelayakan dari sudut ilmu pengetahuan dan amali maka perkara sebaliknya pasti berlaku.

2. Sesungguhnya persediaan untuk pembinaan negara Islam, merupakan salah satu objektif yang paling penting dalam dakwah kita, ia tidak akan dapat disempurnakan melainkan dengan amal siasi yang mengambil berbagai bentuk dan melalui pelbagai peranan. Unikinya kepelbagaian bentuk dan peranan adalah bertujuan memberi impak dan kesan dari sudut politik di samping kesannya dari sudut dakwah. Begitu juga aktiviti politik itu sendiri memainkan peranan untuk menarik ahli kepada Jamaah dan kepada peningkatan kemampuan individu itu sendiri. Tambahan pula kepada meningkatnya kualiti masyarakat umum, dan berlakunya penyebaran kesedaran Islam dan tercapainya kesyukuran Islam.

3. Mestilah memberikan usaha yang mencukupi untuk amal tarbawi dan amal siasi dengan tidak melebihi satu aspek dari aspek yang lain, kerana ajaran Al-Quran, mengajar bahawa penyucian jiwa tidak boleh dipisahkan dengan kekuasaan iaitu politik. Oleh itu siasah merupakan sebahagian daripada Islam, dan menjadi kewajipan seorang muslim untuk merawat aspek pemerintahan sebagaimana perlunya merawat aspek kerohanian.

sambungan dari m/s 18
pan-kewajipannya,

Dan jika dikatakan kepada kamu : Inilah politik,

Maka katakanlah : Inilah Islam, kami tidak tahu tentang bahagian-bahagian (yang lain)".

Bentuk Kerajaan Yang Dingini IM

Imam Al-Banna menyifatkan kerajaan yang diserukan oleh IM dan mereka kehendaki untuk mencapai harapan mereka dengan keterangan yang tepat selari dengan manhaj yang lurus, dan fikrah yang jelas dengan mengatakannya dalam 'Risalah Kepada Pemuda' :

"Kami mahu kerajaan Islam, yang memandu masyarakat ke masjid, dan memegang rakyatnya kepada hidayah Islam, sebagaimana sebelum ini, oleh para Sahabat Rasulullah, saw Abu Bakar dan Omar sebelum ini. "

Maka mesej IM dengan objektifnya yang asasi adalah menghidupkan pemerintahan Islam dalam semua manifestasinya, dan mewujudkan kerajaan Islam yang merupakan tonggak kepada pemerintahan ini dan pelindung takungannya.

Telah disebutkan pada Rukun Amal dalam Risalah Taalim (kerajaan Islam seperti yang dikehendaki IM) Imam Al-Banna

berkata tentang martabat kerajaan:

"Dan reformasi kerajaan adalah sehingga menjadi benar-benar Islamik, dan dengan itu membawa misinya sebagai berkhidmat kepada negara dan bekerja atas maslahatnya,

Kerajaan Islam ialah ahlinya beragama Islam yang melaksanakan fardhu-fardhu Islam dan tidak menyebarkan luaskan maksiat, dan melaksanakan hukum-hakam Islam dan segala ajarannya dan tidak salah kita memohon bantuan dari bukan Islam ketika darurat dalam kedudukan umum sebagai ' hak warganegara', tidak kira sebarang bentuk yang diambil atau jantina selagi mana bersetuju dengan peraturan umum dalam sistem kerajaan Islam.

Dan antara sifatnya : rasa kebergantungan, kasih-sayang sesama rakyat, keadilan di kalangan rakyat dan kesucian dana awam dan ekonomi.

Dan antara kewajipannya : memelihara keselamatan, melaksanakan undang-undang, sebar luaskan pendidikan, penyediaan kekuatan, penjagaan kesihatan, menjaga harta-benda awam, pembangunan kekayaan, menjaga wang, mengukuhkan akhlak dan menyebarkan dakwah.

IKHWAN MUSLIMIN & POLITIK

Pada awalnya, ada sesetengah pihak menafikan pendirian-pendirian IM tentang politik, dengan mendakwa bahawa perjalanan jamaah ini untuk mendapatkan kuasa adalah bertentangan dengan ajaran Imam Hasan Al-Banna pengasas jamaah yang tidak mahu berpolitik.

Dan sebelum diputuskan tentang kesahihan perkara ini, kita harus berpegang dengan pandangan Imam Al-Banna tentang politik, bertitik tolak dari pemikiran dan manhaj dakwah yang diamalkan oleh Imam As-Syahid bermula dari diasaskan (jamaah IM) yang bersandarkan kepada kesyumulan agama Islam meliputi semua urusan hidup, yang keluar atas fikrah yang terdiri pada lautan dakwah Islamiah pada awal kurun ke-20, maka berkembang dalam melakar garis panduan dalam kehidupan Islamiah yang meliputi segenap sudut dalam ajaran Islam.

Melihat kepada kepentingan dan keperluan dalam mendirikan amal dan fikrah jamaah, maka Imam As-Syahid telah menjadikan usul yang pertama dari Usul Faham iaitu kewajipan anggota jamaah dalam memahami Islam seluruhnya, berkisar pada perkara ini :

“Islam adalah sistem yang syumul (komprehensif) yang terdiri dari seluruh urusan kehidupan, maka Islam adalah Negara dan tanah air, atau pemerintahan dan umat; akhlak dan kekuatan, atau kasih sayang dan keadilan; peradaban dan undang-undang, atau ilmu dan hukum; material dan harta, atau usaha dan kekayaan; jihad dan dakwah, atau tentera dan fikrah; akidah yang lurus dan ibadah yang benar, tidak kurang dan tidak lebih”.

Sesungguhnya IM adalah kaum Muslimin dalam setiap makna kalimah ‘syumul’ yang bermaksud bahawa mereka ahli politik, ahli ekonomi, ahli masyarakat dan ahli agama, dan inilah kefahaman yang komprehensif tentang Islam yang dibina jamaah, dan berkata Imam Al-Banna dalam risalah ‘Ke Mana Kita Menyeru Manusia’ :

“Wahai kaumku, sesungguhnya kami menyeru kamu dan Al-Quran di kanan kami dan sunnah di kiri kami, dan amal salafus soleh dari ummah ini sebagai qudwah kami, dan kami menyeru kamu kepada Islam, dan ajaran Islam, hukum-hakam Islam, dan jika politik ini sebahagian daripada kamu maka inilah politik kami, dan jika ada yang menyeru kamu kepada asas-asas berpolitik maka kamilah yang paling mengetahui di kalangan manusia dalam berpolitik, Alhamdulillah, dan jika kamu mahu



namakan itu sebagai politik maka katalah apa-apa yang kamu mahu, tidak akan menjejaskan kami sebarang nama apabila diterangkan oleh penama dan telah tersingkap hala tujunya”.

Maka dari itulah maka politik dan hal ehwal hukum dan pentadbiran ialah dari reka bentuk Islam yang lurus, dan berkata Imam Al-Banna dalam risalah ‘Sistem Hukum’ :

“Sesiapa yang menyangka bahawa agama itu atau lebih tepat lagi Islam itu tiada bersangkutan dengan politik, atau politik itu bukan dari perbahasannya, maka dia telah menzalimi dirinya, menzalimi ilmunya tentang Islam, dan tiada aku katakan menzalimi Islam kerana Islam adalah syariat Allah yang tiada padanya kebatilan dan tiada yang dapat menggantikannya”

Dan indah kata-kata dari Imam Al-Ghazali RA :

“Ketahuilah bahawa syariat itu asas, dan kekuasaan itu pengawal, dan jika tiada asas maka akan runtuh; dan jika tiada pengawal maka akan hilang”


Akan tetapi diterangkan Imam Al-Banna secara jelas bahawa beliau menyeru kepada Islam yang meliputi urusan berkerajaan dan apa-apa yang menuju kepadanya, dan diterangkan dalam risalah ‘Antara Semalam Dan Hari Ini’:

“Apabila dikatakan kepada kamu : Apakah yang kamu seru?”

Maka katanya : Kami menyeru kepada Islam yang dibawa Nabi Muhammad SAW dan berkerajaan itu sebahagian daripadanya, dan kebebasan itu salah satu kewajipan dari kewaji-



WASIAT NURANIAH DARI IMAM HASAN AL BANNA



• Wahai saudaraku, jangan biarkan hidup kamu berlalu tanpa matlamat, sesungguhnya Allah tidak menciptakan kamu sia-sia dan tidak membiarkan kamu begitu sahaja.

• Wahai saudaraku, jadikan Allah sebagai matlamat kamu dan dengarlah firman Allah Ta'ala: (Dan segeralah kembali kepada Allah. Sesungguhnya aku seorang pemberi peringatan yang jelas daripada Allah untuk kamu) – Surah Az-Zariyat:50

• Wahai saudaraku, kamu amat prihatin terhadap dua perkara ini di dalam kehidupan; rezeki dan ajal kamu. Tiada yang berkuasa atas kedua-dua perkara itu selain Allah, justeru janganlah lantaran untuk memelihara perkara itu menegahmu dari bekerja menegakkan kebenaran.

• Wahai saudaraku, sesungguhnya terbangunnya umat dengan pengorbanan dan berdirinya dakwah di atas kesetiaan. Sekiranya kamu hidup untuk kebahagiaan umatmu, maka berkorbanlah pada jalannya. Sekiranya kamu beriman dengan dakwahmu, maka berusaha untuk menunaikan janji setia-mu.

• Wahai saudaraku, jangan kamu berkata apa yang kamu tidak lakukan. Jangan tertipu dengan sangkaan manusia

bahawa kamu seorang yang bekerja, tetapi pasanglah niat agar Allah mengetahui daripadamu benar dalam bekerja. Sesungguhnya manusia tidak dapat mengurangkan daripadamu apa yang Allah tentukan untukmu.

• Wahai saudaraku, selamanya tidak akan ada teman yang bersamamu di tempat selain kehidupan dunia ini. Di sana hanya ada satu teman yang memberi manfaat untukmu dalam hidupmu dan melazimimu di akhirat, iaitulah amal soleh. Maka peliharalah ia agar ia kekal menjadi teman buatmu dalam setiap keadaan.

• Wahai saudaraku, hati kamu adalah tempat tilikan Allah, maka peliharalah ia agar tidak dinodai dengan permusuhan. Sesungguhnya permusuhan adalah halangan di dunia dan mengundang azab di akhirat. Allah berfirman: (Pada hari di mana harta dan anak pinak tidak berguna lagi, kecuali mereka yang datang kepada Allah dengan hati yang sejahtera) – Surah As-Syu'ara': 88-89

• Wahai saudaraku, berusaha untuk beriman dengan fikrah kamu dengan keimanan yang memandu cita-cita dan amalmu. Dan dengarlah firman Allah: (Wahai mereka yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah kamu bersama orang yang benar) – Surah At-Taubah:119

• Wahai saudaraku, saya yakin bahawa kamu bekerja untuk meraih dua matlamat, memperolehi hasil dan menunai tanggungjawab. Jika terlepas daripadamu yang pertama, yang kedua tidak sekali-kali terlepas. Allah berfirman: (Mereka menjawab, agar kami mempunyai alasan -lepas tanggungjawab- kepada Tuhanmu, dan agar mereka bertakwa) – Surah Al-A'raaf: 164

• Wahai saudaraku, maut pasti berlaku, maka jadikan ia di jalan Allah, bermati-matian dalam memperjuangkan hak (sebenarnya dia tidak mati). Bila kamu mati sebagai syahid, kamu akan perolehi kemuliaan, pahala, hidup kekal dan dalam masa sama kamu tidak akan rugi sedikit pun. Firman Allah: (Jangan kamu mengira bahawa mereka yang terbunuh di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka seraya sentiasa mendapat rezeki) – Surah Ali-Imran:169



TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT
- PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA -

Penaug

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

Ketua Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

Penulis Kehormat:

- Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad
- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
- Datin Paduka Che Asmah Ibrahim

Penulis / Penterjemah:

- Ustaz Abd Muhaimin Mohamad Shahr
- Ustaz Mohammad 'Aatdif Ahmat

Pengurus/Susunatur/Grafik

Hanafi Sudi@Yusoff

Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiyah Pusat,
Pertubuhan IKRAM Malaysia
(IKRAM),

Tel + 603 - 8945 6999,
. + 603 - 8945 3666

Fax +603 - 8945 1772

tarbiatuna.ikram@gmail.com

Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd

Tel: 03-9076 6311

Fax: 03-9075 4311

mashipublication@yahoo.com



TIADA PILIHAN

‘Turuti Jejak Para Anbia Lakukan Perubahan’



7-8 Ogos 2015,
GOMBAK - Presiden
IKRAM, Dr Mohd Parid
Sheikh Ahmad menya-
takan bahawa para duat
tiada pilihan lain melain-
kan menuruti jejak-jejak

para anbia untuk melakukan perubahan dan pengislahan bagi menghadapi pelbagai kemelut yang melanda dunia.

Beliau menyatakannya semasa merasmikan Konvensyen Mahasiswa IKRAM Internasional (KONSISTEN 2015) yang telah berjaya dilangsungkan di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) mengumpulkan hampir 350 aktivis dakwah dalam kalangan mahasiswa Malaysia dari serata dunia yang sedang kembali bercuti di Malaysia.

Katanya, metodologi dakwah yang telah digunakan oleh baginda s.a.w. untuk mewujudkan perubahan dan pengislahan merupakan metodologi yang paling tepat dan paling pantas untuk



merungkai pelbagai persoalan dan kemelut yang dihadapi umat manusia.

Menurut Dr Parid, golongan pendakwah mesti memiliki kualiti-kualiti yang tertentu, dan perkara itu tidak boleh dicapai melainkan menerusi satu proses pembinaan manusia yang mesti dilakukan (tarbiyah).

“Itulah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., dan itulah tugas utamanya, (iaitu) untuk membina manusia sebelum membina negara, sebelum membina tamadun,” jelas beliau lagi.

Bagi beliau, sesebuah negara dalam bentuk baru yang membawa ufuk baru kepada manusia dan kemanusiaan, tidak akan berjaya dibina jika manusia baru, pembinaanya tidak dibina terlebih dahulu.

sumber : Media IKRAM

Mengimbangi Perjalanan Dakwah dan Keluarga

‘Satu Pengalaman Berharga’

11-12 September 2015, HULU LANGAT - YDP Petaling Jaya berkongsi pengalaman beliau menjalankan kerja-kerja dakwah sewaktu menuntut di UK.

Beliau berkongsi bersama para peserta Pelapis di Lembah Azwen Resort, bahawa adakalanya beliau dan zaujah perlu berjauhan ketika adanya program untuk dihadiri. Jika zaujanya perlu bersama program, beliau mengambil tanggungjawab sebagai seorang suami untuk menjaga anak-anak yang masih kecil pada ketika itu.

Beberapa nasihat dan panduan kepada peserta pelapis agar mengimbangi dan bersama prihatin mengambil tanggungjawab terhadap pasangan bilamana pasangan kita juga terlibat juga terlibat di dalam kerja-kerja dakwah.



YDP Daerah Petaling Jaya, Mohd Hasyahril Mohd Hashim berkongsi pengalaman beliau bersama peserta PELAPIS

